

## FAQ PERTUKARAN GURU

### 1. APAKAH KRITERIA YANG MELAYAKKAN GURU UNTUK LULUS BERTUKAR KE NEGERI YANG DIMOHON?

#### Jawapan

Terdapat tiga kriteria utama yang melayakkan guru lulus bertukar ke negeri yang dimohon iaitu:

- a. Kekosongan jawatan
- b. Kepentingan perkhidmatan
- c. Keperluan opsyen di negeri yang dimohon

### 2. APAKAH JENIS GURU YANG BOLEH MEMOHON PERTUKARAN MELALUI MODUL E-GTUKAR?

#### Jawapan

Permohonan secara dalam talian ini dibuka kepada:

Guru Cemerlang, Guru Tingkatan 6, Guru Penolong Gred DG29, DG32 (KUP Time-based), DG34 (KUP Time-based), DG38 (KUP Time-based), DG41, DG42, DG44 (KUP Time-based), DG48 (KUP Time-based), DG52 (KUP Time-based) dan DG54 (KUP Time-based) sahaja. Manakala pemohon yang menjawat jawatan seperti berikut hendaklah;

- 2.1 **Pentadbir secara hakiki** – Mengisi borang permohonan secara manual dan dihantar ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) melalui JPN atau Bahagian di bawah Sektor Operasi Pendidikan (SOP) yang berkaitan.

### 3. MENGAPAKAH SAYA GAGAL DALAM PERMOHONAN PERTUKARAN?

#### Jawapan

Guru gagal dalam memohon pertukaran adalah kerana tidak memenuhi tiga kriteria berikut:

- a. Kekosongan jawatan
- b. Kepentingan perkhidmatan
- c. Keperluan opsyen di negeri yang dimohon

**4. BILAKAH KEPUTUSAN PERMOHONAN PERTUKARAN AKAN DIUMUMKAN?**

**Jawapan:**

*Tarikh keputusan permohonan pertukaran guru akan dimaklumkan di Modul e-GTukar secara dalam talian.*

**5. TEMPOH PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN SESEORANG GURU ITU LULUS BERTUKAR**

**Jawapan:**

*Kelulusan tidak tertakluk kepada tempoh berkhidmat secara mutlak. Ia bergantung kepada kepentingan perkhidmatan, kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen di negeri khidmat semasa dan negeri yang dimohon.*

**6. BAGI PERMOHONAN ANTARA DAERAH, ADAKAH GURU BOLEH MEMOHON PERTUKARAN KE DAERAH/SEKOLAH YANG DIINGINI SEKIRANYA MENGETAHUI TERDAPAT KEKOSONGAN DI DAERAH/SEKOLAH TERSEBUT?**

**Jawapan:**

*Guru boleh memohon bertukar ke daerah/sekolah yang dibuka bagi Pertukaran Guru bagi tahun semasa. Namun, kelulusan akan mengambil kira bilangan keseluruhan permohonan ke daerah/sekolah tersebut berdasarkan kekosongan jawatan, kepentingan perkhidmatan dan keperluan opsyen.*

**7. APAKAH ALASAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK LULUS PERMOHONAN PERTUKARAN?**

**Jawapan:**

*Kelulusan pertukaran adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, kepentingan perkhidmatan dan keperluan opsyen di negeri yang dimohon. Walau bagaimanapun, semua alasan bersama dokumen yang dikemukakan mempunyai merit/wajaran dan diambil kira dalam pertimbangan kelulusan pertukaran.*

**8. APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI 3 ALASAN BERIKUT:**

**1. SAKIT KRONIK**

**2. ANCAMAN KESELAMATAN**

**3. MENGIKUT PASANGAN ATAS ARAHAN PERKHIDMATAN**

**Jawapan:**

*Bagi semua alasan di atas pemohon perlu menyertakan dokumen-dokumen berikut:*

- 1. Laporan perubatan yang terkini dari hospital kerajaan yang disahkan oleh doktor pakar.*
- 2. Laporan Siasatan Polis selepas pemohon membuat Repot Polis.*
- 3. Surat arahan pertukaran pasangan.*

**9. ADAKAH PERTUKARAN SUKA SAMA SUKA BOLEH DILAKSANAKAN?**

**Jawapan:**

*Tiada pertukaran suka sama suka, sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 1975 Panduan Pertukaran Guru.*

**10. MENGAPAKAH PERTUKARAN SUKA SAMA SUKA TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN?**

**Jawapan:**

*Tiada pertukaran suka sama suka, sila rujuk perkara 8 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 1975 Panduan Bagi Pertukaran Guru-guru.*

**11. ADAKAH PERMOHONAN PERTUKARAN SAYA TIDAK AKAN DILULUSKAN SECARA AUTOMATIK SEKIRANYA PENGETUA/GURU BESAR TIDAK MENYOKONG PERMOHONAN TERSEBUT?**

**Jawapan:**

*Permohonan pertukaran yang tidak disokong oleh pengetua/guru besar masih boleh dipertimbangkan berdasarkan kepentingan perkhidmatan.*

**12. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT RAYUAN SEKIRANYA PERMOHONAN PERTUKARAN SAYA TIDAK DILULUSKAN?**

**Jawapan:**

Keputusan adalah **MUKTAMAD** rujuk surat Siaran Pertukaran Guru. **Tiada Rayuan** dan pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan baru pada sesi pertukaran yang akan datang.

**13.ADAKAH SAYA BOLEH MEMBATALKAN KELULUSAN PERTUKARAN SEANDAINYA SAYA TIDAK JADI BERTUKAR?**

**Jawapan:**

Kelulusan pertukaran adalah **MUKTAMAD**. Guru tidak boleh membatalkan kelulusan tersebut dan perlu segera melapor diri bertugas di sekolah baharu yang telah ditempatkan. Guru boleh dikenakan tindakan tata tertib kerana ingkar arahan pertukaran.

**14.SEKIRANYA SAYA TELAH LULUS PERTUKARAN TETAPI TIDAK MELAPOR DIRI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN, APAKAH TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP SAYA?**

**Jawapan:**

Seseorang guru atau penjawat awam yang tidak melapor diri boleh diambil tindakan berdasarkan Peraturan 4(2)(i): **ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah**, selaras dengan arahan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat Bil. KPM. INTEGRITI(S)600-12/16 (12) bertarikh 11 Februari 2015 berkaitan dengan ketidakpatuhan pegawai terhadap arahan penempatan/pertukaran tempat bertugas.

**15.KEPADA SIAPAKAH YANG PERLU DIRUJUK SEKIRANYA SAYA MENGHADAPI MASALAH UNTUK MENGAkses MODUL E-GTUKAR.**

**Jawapan:**

Anda boleh merujuk kepada;

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Pihak Yang Dirujuk</b>
Sekolah Rendah Harian (SK, SJKC dan SJKT) dan Sekolah Menengah Harian	Pejabat Pendidikan Daerah /Jabatan Pendidikan Negeri
SABK(R), SABK(M) dan SMKA	Bahagian Pendidikan Islam /

	<i>Jabatan Pendidikan Negeri</i>
<i>Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik</i>	<i>Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional</i>
<i>Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional</i>	<i>Bahagian Pendidikan Khas / Jabatan Pendidikan Negeri</i>
<i>Sekolah Berasrama Penuh</i>	<i>Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan</i>
<i>Sekolah Seni</i>	<i>Bahagian Kokurikulum dan Kesenian</i>
<i>Sekolah Sukan</i>	<i>Bahagian Sukan</i>

**16. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT PERMOHONAN PERTUKARAN SELEPAS TARIKH TUTUP PERTUKARAN, APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?**

**Jawapan:**

*Pemohon perlu mengisi borang permohonan secara manual yang terdapat di Modul eG-Tukar dan mendapat pengesahan Pengetua/Guru Besar. Seterusnya, menghantar borang permohonan tersebut ke JPN untuk tindakan kunci masuk dan akan diproses pada sesi Jun dan sesi Januari. Walau bagaimanapun, KPM hanya mempertimbangkan tiga alasan berikut sahaja:*

*15.1 Arahan Pertukaran Pasangan*

*15.2 Sakit Kronik Diri*

*15.3 Ancaman Keselamatan*

*Ketiga-tiga alasan seperti di atas perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap (Surat Arahan Pertukaran, Laporan Perubatan Hospital Kerajaan, dan Laporan Siasatan Polis).*

**17. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA INGIN MEMBATALKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SAYA?**

**Jawapan:**

*Pembatalan permohonan boleh dilakukan:*

- a) *Sebelum pengesahan oleh Pengetua/Guru Besar – tindakan pemohon sendiri melalui sistem e-GTukar.*
- b) *Selepas pengesahan oleh Pengetua/Guru Besar – pemohon perlu mengemukakan surat rasmi kepada PPD/JPN semasa*

**18. SEKIRANYA SAYA INGIN MEMBUAT PINDAAN PADA PERMOHONAN SAYA, APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?**

**Jawapan:**

*Pindaan permohonan boleh dilakukan:*

- a) *Sebelum pengesahan oleh Pengetua/Guru Besar – tindakan pemohon sendiri dengan membuat pembatalan permohonan asal dan memohon semula melalui sistem e-GTukar.*
- b) *Selepas pengesahan oleh Pengetua/Guru Besar – pemohon perlu mengemukakan surat rasmi kepada PPD/JPN semasa memaklumkan pindaan kepada permohonan asal*

**19. SAYA INGIN MEMBUAT PENANGGUHAN MULA BERTUGAS DI SEKOLAH BAHARU, SIAPAKAH YANG PERLU SAYA RUJUK?**

**Jawapan:**

*Guru yang ingin memohon penangguhan mula bertugas perlu melapor diri kepada Pengetua/Guru Besar sekolah baharu terlebih dahulu dan seterusnya membuat permohonan penangguhan kepada Pengetua/Guru Besar sekolah baharu berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.*

**20. BOLEHKAH SAYA INGIN MEMBUAT PENANGGUHAN KELULUSAN PERTUKARAN PADA SESI INI KEPADA SESI AKAN DATANG?**

**Jawapan:**

*Tidak boleh membuat penangguhan kelulusan pertukaran sesi semasa dan Keputusan adalah **MUKTAMAD**.*

**21. BERAPA KALI PERMOHONAN PERTUKARAN DIBUKA?**

**Jawapan:**

*Permohonan pertukaran dibuka sekali setahun.*

**22. PILIHAN SESI PERTUKARAN**

**Jawapan:**

1. Pilihan sesi Jun diproses untuk sesi Jun sahaja.
2. Pilihan sesi Januari diproses untuk sesi Januari sahaja.
3. Pilihan semua sesi diproses pada kedua-dua sesi.

**23. ADAKAH PERMOHONAN SAYA AKAN DIPROSES 2 KALI SESI PERTUKARAN?**

**Jawapan:**

1. Ya, sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan pada sesi pertama. Contoh: permohonan tidak diluluskan bagi sesi Jun akan diproses semula pada sesi Januari.
2. Tidak, sekiranya permohonan tersebut diluluskan pada sesi pertama. Contoh: permohonan diluluskan bagi sesi Jun tidak akan diproses semula pada sesi Januari.

**24. TEMPOH PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN SESEORANG GURU ITU BERTUKAR**

**Jawapan:**

*Tempoh perkhidmatan bukan menjadi syarat mutlak. Ia bergantung kepada kekosongan perjawatan, kepentingan perkhidmatan dan keperluan opsyen di negeri khidmat semasa dan negeri yang dimohon.*

**25. ADAKAH SEMUA GURU TINGKATAN ENAM DAN GURU CEMERLANG BOLEH MEMOHON MELALUI SISTEM e-GTukar?**

**Jawapan:**

*Semua guru tingkatan enam boleh memohon pertukaran melalui sistem e-GTukar.*

**26. ADAKAH GURU TINGKATAN ENAM BOLEH MEMOHON PERTUKARAN KE SEKOLAH DI BAWAH SELIAAN BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN DI KPM?**

**Jawapan:**

*Ya, guru Tingkatan Enam boleh memohon pertukaran ke sekolah di bawah seliaan Bahagian-Bahagian lain di KPM yang menawarkan kelas Tingkatan Enam.*

**27. ADAKAH GURU SEKOLAH DALAM HOSPITAL BOLEH MEMOHON PERTUKARAN KE SEKOLAH DI BAWAH SELIAAN BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN DI KPM?**

**Jawapan:**

*Ya, guru Sekolah Dalam Hospital boleh memohon pertukaran ke sekolah di bawah seliaan Bahagian-Bahagian lain di KPM.*

**28. ADAKAH GURU SEKOLAH INTEGRITI / SEKOLAH HENRY GURNEY BOLEH MEMOHON PERTUKARAN MELALUI SISTEM e-GTukar?**

**Jawapan:**

*Tidak, guru Sekolah Integriti / Sekolah Henry Gurney boleh memohon pertukaran secara manual melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM.*

**29. BOLEHKAH GRU AKADEMIK KPM YANG DIPINJAMKAN DI SEKOLAH AGAMA NEGERI MEMOHON PERTUKARAN MELALUI e-GTukar?**

**Jawapan:**

*Tidak, Guru Akademik KPM yang dipinjamkan di SMAN boleh memohon pertukaran secara manual melalui Bahagian Pendidikan Islam, KPM.*

**30. ADAKAH SEMUA GURU CEMERLANG BOLEH MEMOHON PERTUKARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI SISTEM e-GTukar?**



**Jawapan:**

*Ya, hanya Guru Cemerlang yang berkhidmat di sekolah di bawah JPN atau Bahagian sahaja perlu memohon pertukaran secara dalam talian melalui Sistem e-GTukar.*

*Tidak, bagi Guru Cemerlang yang berada di Institut Aminuddin Baki, Kolej Matrikulasi, English Language Teaching Centre dan kader, pegawai perlu memohon secara manual seperti Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada.*

**31. ADAKAH GURU CEMERLANG YANG SEDANG MEMANGKU BOLEH MEMOHON PERTUKARAN?**

**Jawapan:**

*Guru Cemerlang yang sedang dalam tempoh pemangkuan boleh memohon melalui sistem tetapi pertukaran pegawai hanya akan diproses selepas pegawai dinaikkan pangkat.*

**32. ADAKAH PPP YANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DIANGGAP SEBAGAI GURU CEMERLANG?**

**Jawapan:**

*Tidak, Guru Cemerlang ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang telah dinaikkan pangkat di Laluan Guru Cemerlang oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).*

**33. ADAKAH PPP YANG PERNAH DINAIKKAN PANGKAT SEBAGAI GURU CEMERLANG TETAPI TELAH DINAIKKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) MASIH PERLU MEMOHON SEBAGAI GURU CEMERLANG?**

**Jawapan:**

*Tidak, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) ini bukan lagi berstatus Guru Cemerlang dan perlu memohon pertukaran sebagai Guru Akademik Biasa.*